28. Travel Guard adalah rakan perniagaan syarikat yang memberikan perkhidmatan perjalanan, perubatan dan tuntutan.

29. Tempoh Tangguh bermakna tiga puluh (30) hari pertama antara masa bermulanya hilang upaya Orang Yang Menerima Perlindungan dan bermulanya tarikh Polisi/tarikh pengembalian semula, dan terpakai hanya apabila orang itu dilindungi pertama kalinya. Hal ini tidak terpakai selepas tahun pertama perlindungan. Walau bagaimanapun, jika insurans terhenti, maka Tempoh Tangguh akan terpakai sekali lagi.

SEKSYEN III - PERUNTUKAN-PERUNTUKAN MANFAAT

1. Pendapatan Harian Hospital

Jika Orang Yang Menerima Perlindungan menginap di Hospital akibat Kemalangan atau Sakit atau Penyakit, pihak Syarikat akan membayar pendapatan harian hospital seperti dinyatakan dalam jadual manfaat untuk Penginapan di Hospital dengan kemasukan untuk tempoh masa sekurang-kurangnya enam (6) jam atas pengesyoran seorang Doktor atau Doktor Bedah dengan syarat Penginapan di Hospital tersebut disebabkan oleh sesuatu Kemalangan, Sakit, Wabak atau Penyakit. Bayaran untuk manfaat tersebut tidak boleh melebihi seratus dua puluh (120) hari Penginapan di dalam sebuah Hospital yang berlesen.

2. Penjagaan Intensif Harian

Dalam kes Penginapan di Hospital sebagai seorang pesakit dalam Unit Penjagaan Intensif sesebuah Hospital, pihak Syarikat akan membayar jumlah yang sama dengan Manfaat Penjagaan Intensif Harian seperti dinyatakan dalam jadual manfaat untuk setiap hari Penginapan di Hospital sehingga maksimum dua puluh (20) hari untuk Penginapan di Hospital yang sama.

3. Lawatan Doktor Harian

Pihak Syarikat akan membayar balik yuran yang dikenakan oleh seorang Doktor (sehingga had yang dinyatakan dalam jadual manfaat) untuk melawat Orang Yang Menerima Perlindungan semasa Penginapan di Hospital untuk Hilang Upaya yang tidak memerlukan pembedahan dan tertakluk kepada maksimum satu (1) lawatan sehari, dan tidak melebihi bilangan hari maksimum yang ditetapkan dalam jadual manfaat .

4. Lawatan Doktor Pakar Harian

Pihak Syarikat akan membayar balik yuran yang dikenakan oleh seorang Doktor Pakar (sehingga had yang dinyatakan dalam jadual manfaat) untuk melawat Orang Yang Menerima Perlindungan semasa Penginapan di Hospital untuk Hilang Upaya yang tidak memerlukan pembedahan dan tertakluk kepada maksimum satu lawatan sehari, dan tidak melebihi bilangan hari maksimum yang ditetapkan dalam jadual manfaat .

5. Bayaran Pembedahan

Jika Orang Yang Menerima Perlindungan perlu menjalani pembedahan di sebuah Hospital akibat daripada suatu Hilang Upaya, pihak Syarikat akan membayar balik bayaran yang dikenakan oleh Doktor Bedah untuk suatu Pembedahan Terlindung, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat tertentu. Perlindungan untuk pembedahan dan mana-mana kategori yang berkenaan terkandung di dalam Jadual Pembedahan yang dilampirkan, adalah sebahagian daripada bahagian yang penting di dalam Polisi ini. Bayaran balik ini termasuk penilaian sebelum pembedahan, lawatan Doktor Bedah dan semua penjagaan selepas pembedahan sehingga tiga puluh satu (31) hari termasuk kedua-dua tarikh sebelum dan selepas pembedahan, tidak melebihi had-had yang ditetapkan dalam jadual manfaat . Bayaran Doktor Bedah akan termasuk bayaran-bayaran yang dikenakan oleh seorang Doktor Perubatan atau Doktor Bedah kedua yang akan dirundingi sebelum dan semasa Penginapan di Hospital oleh Orang Yang Menerima Perlindungan untuk pembedahan.

Jumlah manfaat Pembedahan yang dibayar disebut sebagai peratusan jumlah insurans Manfaat Pembedahan seperti dinyatakan dalam Jadual Polisi atau sebarang Endorsmen yang dilampirkan kepada Polisi ini dan boleh diubah mengikut kategori Pembedahan.

Kategori Pembedahan Terlindung & % Manfaat yang Dibayar

Kategori	% Jumlah Manfaat Pembedahan yang Diinsuranskan
Kategori 1	100%
Kategori 2	60%
Kategori 3	40%
Kategori 4	20%

Manfaat di atas adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat tertentu ("Terma dan Syarat Pembedahan"):

- Pembedahan Terlindung mesti layak sebagai Diperlukan Dari Segi Perubatan untuk bayaran manfaat oleh pihak Syarikat.
- Orang Yang Menerima Perlindungan dianggap mengidap Hilang Upaya, jika, selepas diperiksa oleh bukti perubatan dan bukti lain yang diperlukan oleh pihak Syarikat, dan pihak Syarikat mendapati Orang Yang Menerima Perlindungan telah mengidap Hilang Upaya. Keputusan pihak Syarikat adalah muktamad.
- Untuk berbilang Pembedahan dijalankan dalam tempoh dua puluh empat (24) jam, manfaat Pembedahan akan dibayar berdasarkan kategori yang membayar paling banyak.
- Semua tuntutan manfaat Pembedahan mesti dibukti dan disokong oleh pengesahan kemasukan/pelepasan hospital yang asal dengan perkara-perkara bil pembedahan diasingkan.

6. Pembedahan Utama Tambahan

Jika, berhubung dengan suatu Hilang Upaya:

- (a) manfaat perlindungan yang diberikan kepada Orang Yang Menerima Perlindungan di bawah manfaat bayaran pembedahan telah dihabiskan; dan
- (b) Orang Yang Menerima Perlindungan diperlukan untuk menjalani Pembedahan Utama Tambahan di sebuah Hospital dalam lingkungan had untuk suatu Hilang Upaya,

pihak Syarikat akan membayar balik bayaran untuk Pembedahan Utama Tambahan untuk pembedahan yang terlindung yang dikategorikan sebagai Kategori 1 atau Kategori 2 seperti yang ternyata di dalam Jadual Pembedahan, tertakluk kepada had maksimum di bawah jadual manfaat . Terma dan Syarat Pembedahan yang dinyatakan di bawah seksyen Bayaran Pembedahan perlu dihubungkan dengan manfaat seperti di atas.

7. Rawatan Sebelum & Selepas Penginapan di Hospital

Pihak Syarikat akan membayar balik bayaran untuk rundingan dengan seorang Pakar Perubatan yang dijalankan bagi tujuan diagnosis untuk sesuatu Hilang Upaya dalam tempoh masa tiga puluh (30) hari sebelum atau selepas penginapan di Hospital, tertakluk kepada had maksimum seperti dinyatakan dalam jadual manfaat . Bayaran tidak akan dibayar balik jika selepas perkhidmatan rundingan pakar, Orang Yang Menerima Perlindungan tidak menginap di Hospital untuk rawatan keadaan perubatan yang didiagnosis.

8. Kejururawatan Rumah

Manfaat Kejururawatan Rumah akan dibayar apabila disebabkan Kecederaan dan Penyakit terlindung, Orang Yang Menerima Perlindungan memerlukan kejururawatan rumah oleh seorang jurawat profesional berkelayakan (yang bukan seorang ahli keluarga yang rapat kepada Orang Yang Menerima Perlindungan), yang memberikan perkhidmatan kejururawatan rumah kepada Orang Yang Menerima Perlindungan pada tempoh pemulihan berikutan Kecederaan terlindung, tertakluk kepada syarat kejururawatan rumah tersebut disyorkan oleh Doktor Perubatan bertugas. Manfaat kejururawatan rumah tidak boleh melebihi jumlah yang ditunjukkan dalam jadual manfaat . Hanya satu lawatan sehari sahaja dibenarkan dan manfaat ini dihadkan selanjutnya kepada bilangan hari seperti dinyatakan dalam jadual manfaat .

9. Pemindahan Ambulan Tempatan

Pembayaran balik bagi Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung untuk khidmat ambulans rumah (termasuk atendan) ke dan/atau dari Hospital di mana Orang yang Diinsuranskan itu dimasukkan ke hospital. Bayaran tidak akan dibuat jika Orang Yang Menerima Perlindungan itu tidak dimasukkan ke hospital dan tertakluk kepada had yang ditetapkan dalam jadual manfaat .

10. Rawatan Pesakit Luar Bagi Kemalangan Dan Kecemasan

Pembayaran balik bagi Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan yang ditanggung hingga jumlah maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat, bagi kecederaan anggota badan yang dilindungi yang timbul daripada Kemalangan untuk rawatan yang Perlu Dari Segi Perubatan sebagai pesakit luar di mana-mana klinik atau hospital berdaftar dalam tempoh dua puluh empat (24) jam dari masa berlaku Kemalangan yang menyebabkan kecederaan anggota badan yang dilindungi. Rawatan susulan oleh doktor yang sama atau klinik atau Hospital berdaftar yang sama untuk kecederaan anggota badan yang dilindungi yang sama akan disediakan hingga maksimum 14 hari dari tarikh kemalangan. Manfaat dibayar adalah tertakluk kepada had jumlah maksimum yang dinyatakan dalam jadual manfaat .

11. Perlindungan Pergigian Kemalangan Kecemasan

Jika akibat Kecederaan terlindung, Orang Yang Menerima Perlindungan memerlukan rawatan pergigian untuk melegakan atau menahan kesakitan pergigian kepada gigi kukuh semulajadi, pihak Syarikat akan membayar sehingga jumlah yang dinyatakan dalam jadual manfaat untuk rawatan pergigian tersebut, tertakluk kepada syarat rawatan tersebut dijalankan oleh seorang doctor pergigian berdaftar dan berkelayakan sah. Perlindungan tidak akan diberikan untuk penyelenggaraan kesihatan gigi atau kekurangannya.

12. Pengebumian Tempatan/Pemulangan ke Negeri Asal

Jika Orang Yang Menerima Perlindungan meninggal dunia di luar Malaysia disebabkan oleh Kemalangan, Sakit, Wabak atau Penyakit terlindung, bayaran sekaligus seperti dinyatakan dalam jadual manfaat akan dibayar untuk pengangkutan jenazah Orang Yang Menerima Perlindungan balik ke Malaysia untuk pengebumian tempatan. Bukti kukuh mengenai kematian mesti diserahkan kepada pihak Syarikat atas perbelanjaan pihak menuntut.

13. Evakuasi Perubatan Kecemasan

Apabila akibat Kecederaan atau Penyakit terlindung yang bermula semasa Orang Yang Menerima Perlindungan sedang mengembara di luar Malaysia dan jika pada pendapat Travel Guard atau wakil sah Travel Guard,, Orang Yang Menerima Perlindungan dianggap sebagai sesuai dipindahkan ke lokasi lain untuk rawatan perubatan atau dihantar balik ke Malaysia, pihak Syarikat akan membayar balik perbelanjaan yang dikenakan untuk evakuasi berkenaan dengan menggunakan cara yang sesuai sekali berdasarkan keadaan perubatan Orang Yang Menerima Perlindungan dan tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam jadual manfaat.

14. Manfaat Pendapat Kedua: Kecelakaan Dan/Atau Penyakit Terlindung

Manfaat ini membolehkan Orang Yang Menerima Perlindungan mendapat pendapat perubatan kedua ke atas keadaan perubatan yang didiagnoskannya daripada pakar-pakar perubatan yang dilantik oleh pembekal perkhidmatan pihak Syarikat sekali pada setiap tahun polisi, semasa Polisi ini masih berkuatkuasa. Melalui manfaat ini, Orang Yang Menerima Perlindungan boleh mengakseskan panel pakar-pakar perubatan yang dilantik dengan kemudahan-kemudahan perubatan tertakluk kepada terma-terma, syarat-syarat dan pengecualian-pengecualian seperti dinyatakan dibawah perenggan D Seksyen III di bawah.

15. Perlindungan Untuk Kanak-kanak

Di bawah Pelan Keluarga (jika berkenaan), kanak-kanak akan diinsurankan sehingga 100% daripada jumlah wang pokok yang diinsurankan seperti dinyatakan dalam jadual manfaat bagi semua faedah yang dinyatakan dibawah polisi ini.

MANFAAT PENDAPAT KEDUA: TERMA-TERMA, SYARAT-SYARAT & PENGECUALIAN-PENGECUALIAN

Terma-terma dan syarat-syarat

Manfaat Pendapat Kedua yang diberikan kepada Orang Yang Menerima Perlindungan di bawah Seksyen III di atas tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat berikut:

- (i) Orang Yang Menerima Perlindungan akan dibekalkan dengan rancangan pengesyoran rawatan komprehensif untuk Kecelakaan Kemalangan dan/atau prosedur pembedahannya yang melibatkan Kategori 1 dan 2 Jadual Pembedahan.
- (ii) Sebarang kos yang dikenakan untuk pemerolehan bahan-bahan visual perubatan (seperti Pancaran-X, CT dan pengimbas MRI, imej ultra-bunyi dan sebagainya) serta ujian tambahan yang diperlukan oleh kakitangan pakar perubatan tidak ditanggung oleh pihak Syarikat.
- (iii) Penggunaan Manfaat Pendapat Kedua tidak boleh dianggap sebagai pengakuan pihak Syarikat untuk sebarang tuntutan dibawah Polisi ini.
- (iv) Jika pembekal perkhidmatan tidak lagi membekalkan perkhidmatan Pendapat Kedua, pihak Syarikat akan mencari pembekal perkhidmatan gantian supaya meneruskan dengan bekalan perkhidmatan tersebut.
- (v) Manfaat Pendapat Kedua tidak terjamin dan pihak Syarikat berhak mengulangkaji, menggantung, menanggal atau membatalkan faedah ini pada bila-bila masa dengan menghantar notis secara bertulis melalui pos biasa ke alamat terakhir Pemegang Polisi bagi Polisi ini sepertimana diberikan kepada pihak Syarikat. Dalam keadaan tersebut, premium akan diselaraskan jika dianggap perlu oleh pihak Syarikat.

Pengecualian-pengecualian

Sehubungan dengan pengecualian-pengecualian am seperti yang tertera dalam Seksyen IV Polisi ini, pihak Syarikat tidak akan memberikan Manfaat Pendapat Kedua Seksyen III kepada Orang Yang Menerima Perlindungan untuk sebarang kerugian, Kecelakaan atau Penyakit berkaitan atau disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya oleh mana-mana keadaan berikut:

- (i) jangkitan bakteria (kecuali jangkitan pyogenik yang berlaku melalui luka kemalangan);
- (ii) mana-mana jenis penyakit; sebarang sebab berperingkat, proses yang berlaku secara semulajadi atau merosot;
- (iii) rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali yang diperlukan semata-matanya oleh Kecelakaan yang dilindungi oleh Polisi ini dan dijalankan dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam Polisi ini); atau
- (iv) sebarang Kecelakaan yang menyebabkan buruk.

SEKSYEN IV - PENGECUALIAN DAN LIMITASI AM

Insurans ini mengecualikan sebarang kejadian atau situasi yang berikut:

1. Keadaan-keadaan Sedia Ada;
2. penyakit yang ditetapkan yang berlaku dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari pertama bagi perlindungan berterusan;
3. rawatan Pesakit Luar yang tidak berkenaan dengan rawatan pesakit dalam atau pembedahan harian, kecuali untuk suatu Kecederaan yang disebabkan oleh Kemalangan;
4. apa-apa keadaan perubatan atau fizikal yang berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari pertama perlindungan atau tarikh pengembalian semula bagi Orang Yang Menerima Perlindungan, mengikut mana-mana yang terakhir kecuali untuk Kecederaan akibat Kemalangan;
5. keadaan pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan mulut kecuali diperlukan oleh Kecederaan-kecederaan Kemalangan kepada gigi sejati yang kukuh yang berlaku sepenuhnya dalam Tempoh Insurans;
6. kos/belanja bagi khidmat yang bersifat bukan perubatan, seperti televisyen, telefon, khidmat teleks, radio atau kemudahan yang serupa, kit/pek kemasukan dan barang bukan perubatan lain yang tidak layak;
7. bayaran untuk perkhidmatan yang diterima di pusat pemulihan dan kejururawatan, klinik-klinik rawatan semulajadi dan institusi-institusi serupa atau untuk penjagaan rehat;
8. rawatan untuk sebarang Kecederaan atau Penyakit untuk mana rawatan tersebut diberikan secara percuma;
9. perbelanjaan yang dikenakan untuk pendermaan mana-mana organ badan oleh Orang Yang Menerima Perlindungan dan kos pemerolehan organ tersebut termasuk semua kos yang dibayai oleh penderma semasa pemindahan organ;
10. belanja yang ditanggung untuk menukar jantung;
11. siasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, dan terapi gantian hormone;
12. perbelanjaan perhubungan atau pengangkutan kecuali perkhidmatan ambulan tempatan;
13. penjagaan atau rawatan dimana bayaran tidak diperlukan atau sehingga had yang dibayar oleh insuran atau jaminan yang melindungi Orang Yang Menerima Perlindungan dan Hilang Upaya yang wujud akibat penggajian atau profesion yang dilindungi dibawah Kontrak Insuran Pampasan Pekerja;
14. pancaran berion atau pencemaran keradioaktifan dari sebarang bahanapi nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau sebarang bahan senjata nuclear;
15. perang atau apa-apa tindakan perang, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, aktiviti jenayah atau penganas, bergiat cergas dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan awam atau penderhakaan tentera;
16. sebarang pelanggaran atau percubaan untuk melanggar undang-undang atau merintang tangkapan;
17. rehat pulih atau jagaan kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, intoksikasi, pensterilan, penyakit venereal dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV, dan apa-apa penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang;
18. Sakit atau kecederaan yang timbul daripada apa-apa jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjun di udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang tidak dibenarkan;
19. kehamilan, kelahiran anak (termasuk kelahiran melalui pembedahan), keguguran dan penjagaan pra-salin atau lepas bersalin dan kaedah-kaedah kontraseptif secara pembedahan, mekanikal atau kimia untuk pencegahan kehamilan atau rawatan kemandulan. Disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkenaan dengan kemandulan atau pensterilan;
20. pembedahan Plastik/Kosmetik, sunat, pemeriksaan mata, kaca mata atau pembetulan biasan atau pembedahan untuk rabun jauh (Keratotomi Radikal) dan penggunaan atau pemerolehan alat-alat prostetik luar seperti tangan/kaki palsu, alat bantuan pendengaran, alat "pacemaker" dan preskripsi-preskripsinya;
21. Sebarang rawatan atau pembedahan untuk keluarbiasaan atau kecacatan kongenital termasuk keadaan warisan;
22. Penerbangan peribadi selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersil berjadual untuk mengangkut penumpang melalui laluan yang ditetapkan;
23. Kemasukan ke hospital bagi tujuan siasatan, diagnosis, pemeriksaan pancaran-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, yang tidak berkenaan dengan rawatan atau diagnosis Kecacatan terlindung atau sebarang rawatan yang tidak Diperlukan dari segi Perubatan dan rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Doktor Perubatan, dan rawatan-rawatan spesifik bagi tujuan mengurangkan atau menambahkan berat badan;
24. bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman;
25. gangguan psaiotik, mental atau kegelisahan (termasuk neurosis dan manifestasi fisiologi atapsaikosomatiknya);

26. polisi ini tidak melindungi sebarang Kecederaan fizikal atau Penyakit yang serius akibat langsung atau tidak langsung daripada, disebabkan atau dipercepatkan oleh
- i) penggunaan, pelepasan atau kebocoran bahan-bahan nuclear yang menyebabkan tindakbalas nuklear atau pancaran atau pencemaran radioaktif secara langsung atau tidak langsung; atau
 - ii) penyebaran atau penggunaan bahan-bahan patogenik atau biologi beracun atau bahan kimia; atau
 - iii) pelepasan bahan-bahan patogenik atau biologi beracun atau bahan kimia.

Bagi tujuan pengecualian ini, kecederaan fizikal serius bermakna:

- (a) kecederaan fizikal yang melibatkan risiko besar yang boleh menyebabkan kematian; atau
 - (b) kecacatan fizikal yang melanjut dan nyata; atau
 - (c) kehilangan atau kecacatan fungsi anggota atau organ badan yang melanjut.
27. Syarikat tidak akan membayar di bawah mana-mana seksyen polisi ini di mana pembayaran sedemikian akan melanggar larangan atau peraturan kerajaan.

SEKSYEN V - PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM

- 1) Premium yang dikenakan hendaklah dibayar setiap bulan atau setiap tahun sepertimana berkenaan. Sebarang tuntutan tidak akan dilayan semasa premium bertunggak.

SEKSYEN VI - PENAMATAN PERLINDUNGAN

Polisi ini akan tamat secara automatik pada tarikh-tarikh terawal antara yang berikut:

- (i) Sebarang premium yang dikenakan dibawah Polisi ini tidak dibayar selepas tarikh pembayaran premium tersebut; atau
- (ii) apabila polisi ini dibatalkan oleh Pemegang Polisi atau pihak Syarikat mengikut peruntukan-peruntukan bahagian 19 Seksyen VII (Peruntukan-peruntukan Polisi) Polisi ini pada tarikh-tarikh yang dinyatakan didalamnya; atau
- (iii) kematian keatas Pemegang Polisi; atau
- (iv) pada tarikh Pemegang Polisi mencapai usia enam puluh enam (66) tahun; atau

Perlindungan untuk Orang Yang Menerima Perlindungan akan ditamatkan secara serentak apabila Polisi ini ditamatkan. Dimana Pemegang Polisi atau suami/isteri Pemegang Polisi yang sah mencapai usia enam puluh enam (66) tahun dan/atau anak (anak-anak) Pemegang Polisi yang menganggur (dimana perlindungan untuk anak-anak tanggungan diberi) mencapai usia lapan belas (18) tahun atau dua puluh tiga (23) tahun (jika didaftarkan sebagai pelajar penuh masa) sebelum kedua-dua Pemegang Polisi dan suami/isteri Pemegang Polisi yang sah mencapai usia enam puluh enam (66) tahun, perlindungan bagi Pemegang Polisi atau suami/isteri Pemegang Polisi yang sah (menurut kemungkinan kes ini) dan/atau anak (anak-anak) sahaja akan tamat tetapi polisi ini tidak akan ditamatkan. Penamatan Polisi ini adalah tanpa prejudis kepada mana-mana tuntutan yang wujud selepas penamatan tersebut.

Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan bahagian 20 Seksyen VII (Peruntukan-peruntukan Polisi), bayaran atau penerimaan mana-mana premium dibawah ini selepas penamatan Polisi ini tidak akan mewujudkan sebarang liabiliti dibawah Polisi ini atau sebarang liabiliti keatas pihak Syarikat untuk mengembalikan Polisi ini ke kedudukan asalnya; tetapi pihak Syarikat akan mengembalikan sebarang premium yang telah dibayar.

SEKSYEN VII: PERUNTUKAN-PERUNTUKAN POLISI

1. Pindaan-Pindaan

Syarikat berhak meminda terma dan peruntukan Polisi ini dengan memberikan notis awal tiga puluh (30) hari secara bertulis melalui pos biasa ke alamat terakhir Pihak Yang Diinsuranskan yang diketahui mengikut rekod Syarikat, dan pindaan tersebut akan terpakai dari pembaharuan berikutnya bagi Polisi ini. Sebarang pindaan ke atas Polisi ini hendaklah mengikat ke atas semua orang sama ada diinsuranskan di bawah Polisi ini sebelum, semasa, atau selepas tarikh pindaan berkuatkuasa. Pindaan kepada Polisi ini tidak sah kecuali jika diluluskan oleh Syarikat dan kelulusan itu hendaklah diendorskan pada Polisi tersebut. Sebarang perubahan kepada Polisi ini akan melindungi kesemua Orang Yang Menerima Perlindungan yang dilindungi di bawah Polisi ini sebelum, semasa atau selepas dari tarikh berkuatkuasa perubahan ini.

2. Tempoh Perlindungan Dan Pembaharuan

Polisi ini hendaklah berkuat kuasa mengikut tarikh yang dinyatakan pada Jadual. Ulang Tahun Polisi adalah satu tahun selepas tarikh kuat kuasa dan setiap tahun berikutnya. Pada setiap ulang tahun itu, Polisi ini boleh dibaharui pada kadar premium yang berkuat kuasa pada masa itu seperti yang diberitahu oleh Syarikat.

Polisi ini boleh dibaharui mengikut pilihan pemegang polisi tertakluk kepada terma, syarat dan penamatan pada setiap tarikh ulang tahun Polisi. Premium pembaharuan yang dibayar tidak dijamin dan Syarikat berhak menyemak semula kadar premium yang terpakai pada masa pembaharuan itu. Perubahan tersebut, jika ada, hendaklah terpakai kepada semua pemegang polisi tanpa mengambil kira pengalaman tuntutan mereka mengikut penilaian risiko Syarikat.

Polisi ini boleh dibaharui mengikut pilihan pemegang polisi sehingga berlaku mana-mana yang berikut:

- (a) premium tidak dibayar atau premium tidak dibayar mengikut masa;
- (b) polisi dibatalkan atas permintaan pemegang polisi;
- (c) jumlah tuntutan polisi mencapai had seumur hidup yang ditetapkan dan/atau berlaku kematian Orang Yang Menerima Perlindungan;
- (d) Orang Yang Menerima Perlindungan tidak lagi layak menjadi tanggungan berdasarkan takrif polisi;
- (e) Orang Yang Menerima Perlindungan mencapai had umur perlindungan yang ditetapkan;
- (f) penamatan perlindungan semua polisi dalam pasaran tertentu dan Syarikat menarik balik polisi ini sepenuhnya dari pasaran menurut Syarat Penarikan Balik Portfolio.

3. Matawang Bayaran

Semua bayaran di bawah Polisi ini hendaklah dibuat dalam mata wang Malaysia yang sah. Sekiranya apa-apa bayaran yang diminta oleh Orang Yang Menerima Perlindungan supaya dibayar dalam mata wang lain, maka jumlah tersebut hendaklah dibayar dalam mata wang yang diminta seperti yang boleh dibeli di Malaysia pada kadar pasaran mata wang semasa pada tarikh penyelesaian tuntutan.

4. Had umur untuk orang yang dilindungi di bawah polisi ini.

Kelayakan umur bagi Pemegang Polisi adalah dari umur lapan belas (18) tahun hingga enam puluh (60) tahun dan pembaharuan polisi sehingga umur enam puluh lima (65) tahun. Begitu jua perlindungan untuk pasangan (seperti yang dinamakan untuk perlindungan di dalam Jadual Polisi) adalah dari umur lapan belas (18) tahun hingga enam puluh (60) tahun dan pembaharuan polisi sehingga umur enam puluh lima (65) tahun.

Untuk pilihan Pelan Keluarga (jika ada) dibawah polisi ini dibawah pelan Medical Care, perlindungan dibawah polisi ini akan diberikan kepada Anak yang belum berkahwin, Anak-anak yang didalam tanggungan dari umur lima belas (15) hari dan lapan belas (18) tahun, tetapi akan disambungkan kepada dua puluh tiga (23) tahun dimana anak-anak yang di dalam tanggungan adalah pelajar sepenuh masa.

5. Silap Nyata Umur

Jika umur Orang Yang Menerima Perlindungan telah tersilap nyata dan akibatnya premium yang dibayar tidak mencukupi, maka apa-apa tuntutan yang dibayar di bawah Polisi ini hendaklah dikira secara pro rata berasaskan nisbah premium yang sebenar yang dibayar dengan premium yang betul yang sepatutnya dikenakan selama setahun. Apa-apa premium yang berlebihan, yang mungkin telah dibayar akibat silap nyata umur, hendaklah dibayar balik tanpa faedah. Jika pada umur yang betul, Orang Yang Menerima Perlindungan itu tidak layak dilindungi di bawah polisi ini, maka tiada manfaat akan dibayar.

6. Perubahan Dalam Risiko

Orang Yang Menerima Perlindungan akan memberikan notis bertulis secara serta-merta kepada Pihak Syarikat jika ada sebarang pertukaran kepada pekerjaannya, perniagaan, tugas atau pencarian dan akan membayar premium tambahan yang dikehendaki oleh Syarikat.

7. Prosedur Tuntutan

- a) Orang Yang Menerima Perlindungan hendaklah dalam tempoh tiga puluh (30) Hilang Upaya yang melibatkan belanja ini boleh dibuat dengan menelefon pada 1800 88 8811, melalui email kepada AIGMYCare@aig.com atau menulis kepada AIG Malaysia Insurance Berhad, Menara Worldwide, 198, Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur, Malaysia dengan menyatakan butiran lengkap kejadian tersebut, termasuk semua bil dan resit asal serta laporan lengkap Pakar Perubatan yang menyatakan diagnosis keadaan yang dirawat dan tarikh Hilang Upaya bermula mengikut pendapat Pakar Perubatan dan rumusan kos rawatan oleh Pakar Perubatan termasuk ubat dan khidmat yang diberikan. Kegagalan memberikan notis tersebut dalam tempoh yang dibenarkan tidak boleh membatalkan apa-apa tuntutan jika ditunjukkan tidak munasabah untuk memberikan notis itu dan notis itu telah diberikan secepat mungkin.
- b) Orang Yang Menerima Perlindungan hendaklah mendapatkan dan bertindak berdasarkan nasihat perubatan yang sewajarnya dan Pihak Syarikat tidak bertanggungjawab jika rawatan atau khidmat diperlukan berikutan kegagalan Orang Yang Menerima Perlindungan berbuat demikian

8. Had-Had Tuntutan

Faedah tuntutan tidak akan dibayar di bawah Polisi ini jika tuntutan ini diserahkan kepada pihak Syarikat selepas tempoh dua (2) tahun selepas tarikh permulaan Penginapan di Hospital.

9. Tuntutan Tidak Lengkap

Semua tuntutan hendaklah diserahkan kepada pihak Syarikat dalam tempoh 30 hari setelah kejadian itu selesai yang untuknya tuntutan itu dibuat. Tuntutan tidak dianggap lengkap dan Manfaat Layak Diterima tidak akan dibayar kecuali semua bil untuk tuntutan itu telah diserahkan dan dipersetujui oleh pihak Syarikat. Hanya kos sebenar yang ditanggung akan dipertimbangkan untuk pembayaran balik. Apa-apa perbezaan atau penepian bagi perkara di atas adalah mengikut budi bicara pihak Syarikat semata-mata.

10. Bukti Penginapan Di Hospital

Bukti Penginapan di Hospital, pembedahan atau rawatan yang positif sebagai seorang pesakit luar dalam bentuk-bentuk sepertimana yang disyorkan oleh pihak Syarikat hendaklah dilengkapkan dan dibekalkan atas tanggungan Orang Yang Menerima Perlindungan dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas pengeluaran dari Hospital atau penerimaan rawatan bersama dengan penyata akaun rasmi dan resit-resit Hospital.

11. Pemeriksaan Perubatan

Pihak Syarikat dengan menanggung perbelanjaan sendirinya berhak memerlukan bukti tambahan dan meminta pemeriksaan perubatan Orang Yang Menerima Perlindungan apabila dan sekerapnya yang munasabah dalam tempoh tuntutan masih diproseskan dan untuk menjalankan autopsi dalam kes kematian jika ianya tidak dilarang oleh undang-undang.

12. Perakuan, Maklumat Dan Bukti

Semua sijil, maklumat, laporan dan bukti perubatan seperti yang dikehendaki oleh pihak Syarikat hendaklah diserahkan atas belanja Orang Yang Menerima Perlindungan, dan dalam borang tertentu yang mungkin dikehendaki oleh pihak Syarikat. Semua notis apabila dikehendaki oleh pihak Syarikat supaya diberikan oleh Pemegang Polisi, hendaklah secara bertulis dan dialamatkan kepada pihak Syarikat. Orang Yang Menerima Perlindungan hendaklah, atas permintaan dan belanja pihak Syarikat, menyerahkan kepada pemeriksaan perubatan apabila ia dianggap perlu.

13. Rawatan Di Seberang Laut

Jika Orang Yang Menerima Perlindungan mendapatkan rawatan di seberang laut, manfaat-manfaat berkenaan dengan rawatan akan dilindungi tertakluk kepada pengecualian-pengecualian, had-had dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Polisi ini dan semua manfaat akan dibayar berdasarkan kadar penukaran matawang rasmi pada hari terakhir Tempoh Penginapan di Hospital dan tidak termasuk kos pengangkutan ke tempat rawatan

KECUALI:-

- i) Orang Yang Menerima Perlindungan mengembara ke seberang laut bagi tujuan selain daripada rawatan perubatan, memerlukan Penginapan di Hospital di luar Malaysia akibat Kecemasan Perubatan;
- ii) Orang Yang Menerima Perlindungan perlu dipindahkan ke sebuah Hospital di luar Malaysia atas pengesyoran seorang Doktor Perubatan kerana rawatan, bantuan, maklumat atau keputusan pakar diperlukan yang tidak boleh didapati atau diambil di Malaysia.

Rawatan di seberang laut untuk Hilang Upaya yang didiagnoskan di Malaysia dan tidak merupakan suatu kecemasan atau keadaan kronik di mana rawatan boleh dilewatkan secara munasabah sehingga pemulangan ke Malaysia dikecualikan.

14. Orang Yang Berhak Menerima Bayaran Pampasan

Semua pampasan Polisi ini akan dibayar kepada Pemegang Polisi. Sebarang pampasan yang terhutang kepada Pemegang Polisi pada masa kematian Pemegang Polisi akan dibayar kepada nomini yang terakhir dinamakan di bawah Polisi ini. Jika tiada penamaan (disebabkan oleh kegagalan berbuat demikian atau pembatalan), bayaran akan dibuat kepada pusaka Pemegang Polisi. Penerimaan sebarang manfaat di bawah Polisi ini oleh Pemegang Polisi (atau oleh wakil yang sah atau dibenarkan) dengan sendirinya menjadi pelepasan semua obligasi dan liabiliti Syarikat yang berkesan.

15. Pemilikan Polisi

Kecuali diperuntukkan sebaliknya secara nyata melalui Endorsemen dalam Polisi, Syarikat berhak menganggap Pemegang Polisi sebagai pemilik mutlak Polisi. Syarikat tidak terikat untuk mengiktirafkan apa-apa tuntutan ekuiti atau tuntutan lain ke atas Polisi atau kepentingan dalam Polisi, dan penerimaan Polisi atau Manfaat oleh Pemegang Polisi (atau oleh wakilnya yang sah atau yang diberi kuasa) sahaja hendaklah merupakan pelepasan efektif bagi semua obligasi dan liabiliti Syarikat. Pemegang Polisi hendaklah dianggap sebagai prinsipal atau Ejen bertanggungjawab bagi Orang Yang Menerima Perlindungan yang dilindungi di bawah Polisi ini.

16. Penerimaan

Pihak Syarikat tidak akan diwajibkan oleh mana-mana notis atau cagaran amanah, lien, penyerahan hak atau urusan lain dengan Polisi ini dan penerimaan oleh Orang Yang Menerima Perlindungan mana-mana gantirugi yang dibayar di bawah ini akan dalam semua kes merupakan pelepasan liabiliti berkesan oleh pihak Syarikat.

17. Hak-Hak Penama

Kebenaran Penama tidak diperlukan sebagai prasyarat untuk menamatkan atau membatalkan Polisi ini atau untuk penukaran penama atau untuk sebarang pindaan dalam Polisi ini.

18. Notis

Setiap notis atau komunikasi kepada pihak Syarikat hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada pihak Syarikat. Pindaan bagi syarat dalam Polisi ini atau apa-apa pengendorsan padanya, tidak sah kecuali pindaan itu ditandatangani atau diparap oleh wakil pihak Syarikat yang diberi kuasa.

19. Pembatalan

Polisi ini boleh dibatalkan oleh Pemegang Polisi pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada AIG Malaysia Insurance Berhad, Menara Worldwide, 198, Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur, Malaysia, dan dengan syarat tiada tuntutan dibuat dalam tahun Polisi semasa, Pemegang Polisi layak menerima bayaran balik premium seperti yang berikut:-

Tempoh Tidak Boleh Melebihi	Bayaran Balik Premium Tahunan
15 Hari	90% (terpakai kepada pembaharuan sahaja)
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
Tempoh melebihi 11 Bulan	Tiada bayaran balik

20. Pengembalian Kepada Kedudukan Asal

Jika sebarang premium terhutang selepas tarikh pembayaran premium, Polisi ini boleh dikembalikan kepada kedudukan asalnya dengan kebenaran pihak Syarikat dalam tempoh sembilan puluh (90) hari selepas tarikh pembayaran premium yang terhutang tertakluk kepada:

- Orang Yang Menerima Perlindungan membuat permohonan secara bertulis untuk pengembalian kepada kedudukan asal; dan/atau
- penyerahan bukti kebolehan insuran yang memuaskan kepada pihak Syarikat.

Penerimaan premium yang seterusnya oleh pihak Syarikat selepas itu akan, tertakluk kepada peruntukan diatas, mengembalikan polisi ini kepada kedudukan asalnya dan akan melindungi sebarang kerugian disebabkan oleh Kecacatan yang dialami selepas tarikh pengembalian kepada kedudukan asal tersebut. Akan tetapi faedah tidak akan dibayar untuk sebarang Kecacatan yang berlaku dalam tempoh dimana Polisi tidak berkuatkuasa.

21. Penukaran Negara Kediaman

Perlindungan Orang Yang Menerima Perlindungan tertakluk kepada syarat kemastautinannya di Malaysia. Perlindungan tidak akan diberikan kepada Orang Yang Menerima Perlindungan yang bermastautin diluar Malaysia kecuali lanjutan perlindungan telah dibenarkan oleh pihak Syarikat. Adalah menjadi syarat keutamaan untuk liabiliti dibawah Polisi ini bahawa pihak Syarikat mesti diberitahu secara bertulis berkenaan dengan sebarang penukaran Negara Kediaman Orang Yang Menerima Perlindungan. Penukaran Negara Kediaman bermakna Orang Yang Menerima Perlindungan sedang tinggal atau berhasrat tinggal di sebuah negara lain selain daripada Malaysia untuk tempoh yang melebihi dua belas (12) bulan berturut-turut. Kegagalan memberitahu akan membatalkan insurans untuk Orang Yang Menerima Perlindungan mulai dari tarikh dia meninggalkan Malaysia secara kekal. Pihak Syarikat berhak meneruskan perlindungan dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa atau menolak perlindungan di bawah Polisi ini atas penerimaan maklumat berkenaan.

22. Tempoh Tangguh

Kelayakan menerima manfaat bermula tiga puluh (30) hari selepas Orang Yang Menerima Perlindungan dimasukkan ke dalam Polisi, kecuali untuk Kemalangan yang dilindungi yang berlaku selepas tarikh kuat kuasa perlindungan.

23. Tempoh Bertenang

Jika Polisi ini telah dikeluarkan dan atas apa-apa alasan, Pemegang Polisi membuat keputusan untuk tidak mengambil Polisi Insurans itu, Pemegang Polisi itu boleh mengembalikan Polisi Insurans itu kepada pihak Syarikat untuk pembatalan dengan syarat permohonan untuk pembatalan diserahkan oleh Pemegang Polisi kepada pihak Syarikat dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penyerahan Polisi Insurans. Pemegang Polisi itu layak menerima pulangan penuh premium yang telah dibayar tolak belanja perubatan yang ditanggung oleh pihak Syarikat untuk mengeluarkan Polisi Insurans tersebut.

24. Subrogasi

Jika pihak Syarikat bertanggung untuk membuat apa-apa bayaran di bawah Polisi ini, pihak Syarikat hendaklah mensubrogasi setakat bayaran itu ke atas semua hak dan remedi bagi Orang Yang Menerima Perlindungan terhadap mana-mana pihak dan berhak atas belanjanya sendiri membuat dakwaan atas perintah Orang Yang Menerima Perlindungan. Orang Yang Menerima Perlindungan hendaklah memberikan atau mengarahkan agar diberikan kepada pihak Syarikat semua bantuan seumpamanya yang di bawah kuasanya

seperti yang mungkin dikehendaki oleh pihak Syarikat untuk menjamin hak dan remedi dan atas permintaan pihak Syarikat, hendaklah melaksanakan atau menyebabkan dilaksanakan semua dokumen yang perlu bagi membolehkan pihak Syarikat mengambil tindakan guaman secara berkesan atas perintah Orang Yang Menerima Perlindungan.

25. Sumbangan

Jika Orang Yang Menerima Perlindungan dilindungi oleh mana-mana insurans lain yang melindungi sebarang Kekurangan Upaya yang diinsuranskan oleh Polisi ini, bahagian pembayaran balik kos perubatan oleh pihak Syarikat adalah sekadar dengan jumlah insurans-insurans yang sedia ada yang memberi respons kepada tuntutan berkenaan.

26. Syarat Penarikan Balik Portfolio

Pihak Syarikat berhak membatalkan portfolio keseluruhannya jika ia memutuskan untuk membatalkan tanggungan produk insurans ini. Pembatalan portfolio keseluruhannya akan diberikan tiga puluh (30) hari notis secara bertulis kepada Pemegang Polisi dan pihak Syarikat akan menamatkan semua polisi kepada penamatan tempoh perlindungan yang terkandung dalam portfolio tersebut.

27. Pengambilalihan Polisi (Terpakai Hanya Jika Dinyatakan Dalam Jadual Polisi Insurans)

Jika polisi ini bermula sebaik sahaja selepas penamatan polisi terdahulu dan jika Orang Yang Menerima Perlindungan mengalami hilang upaya perubatan sebelum atau pada masa polisi ini bermula (dan manfaat di bawah polisi terdahulu disediakan untuknya), Orang Yang Menerima Perlindungan itu hendaklah terus dilindungi bagi hilang upaya sedia ada, tetapi tidak melebihi had polisi terdahulu dengan syarat Syarikat telah memperoleh satu salinan polisi terdahulu.

28. Polisi Ditingkatkan (Terpakai Hanya Jika Dinyatakan Dalam Jadual Polisi Insurans)

Jika Manfaat Layak Diterima bagi mana-mana Orang Yang Menerima Perlindungan di bawah syarat Polisi ini ditambah semasa ia berkuat kuasa atau pada masa Pembaharuan atau penggantian dan jika Orang Yang Menerima Perlindungan itu mengalami Hilang Upaya sebelum atau pada masa Manfaat ditambah, maka Had Manfaat yang dibayar bagi Hilang Upaya itu tidak boleh melebihi Had Manfaat sebelum tarikh Manfaat itu ditingkatkan.

29. Polisi Pengubahan (Terpakai Hanya Jika Dinyatakan Dalam Jadual Polisi Insurans)

Jika Manfaat Layak Diterima yang disediakan di bawah Polisi ini telah diubah daripada perlindungan Had Dalam sedia ada kepada perlindungan Pembayaran Balik Mengikut Bayaran/Penuh, dan jika Orang Yang Menerima Perlindungan itu mengalami Hilang Upaya sebelum atau pada masa Manfaat diubah, manfaat yang dibayar bagi Hilang Upaya itu hendaklah selaras dengan Jadual Manfaat sebelum tarikh Manfaat Layak Diterima diubah.

30. Wilayah Pasaran Geografi

Semua manfaat yang disediakan dalam Polisi ini terpakai dua puluh empat (24) jam sehari di seluruh dunia.

31. Pematuhan Undang-Undang

Sebarang peruntukan Polisi ini, yang pada tarikh keberkesanannya berkonflik dengan undang-undang negara dimana Polisi ini diserahkan atau dikeluarkan untuk penyerahan dipinda supaya mematuhi keperluan minima undang-undang tersebut.

32. Undang-Undang Yang Mengawal Polisi

Polisi ini dikeluarkan di bawah undang-undang Malaysia dan tertakluk dan dikawal oleh undang-undang lazim di Malaysia.

33. Prosiding Undang-Undang

Tindakan undang-undang atau ekuiti tidak boleh dibawa ke mahkamah untuk mendapatkan semula Polisi ini sebelum tamat tempoh enam puluh (60) hari selepas bukti bertulis kerugian diberikan menurut keperluan Polisi ini. Jika Orang Yang Menerima Perlindungan gagal memberikan bukti kerugian yang diperlukan seperti yang dinyatakan oleh terma, peruntukan dan syarat Polisi, maka Orang Yang Menerima Perlindungan boleh, dalam tempoh bertenang bagi satu tahun kalendar dari masa bukti bertulis bagi kerugian itu diberikan, menyerahkan bukti kerugian yang berkaitan kepada pihak Syarikat dengan alasan yang kukuh kerana kegagalan mematuhi terma, peruntukan dan syarat Polisi. Penerimaan bukti kerugian itu adalah semata-mata dan sepenuhnya mengikut budi bicara pihak Syarikat. Selepas tempoh bertenang itu tamat, pihak Syarikat tidak akan menerima, walau dengan apa-apa alasan sekalipun, bukti bertulis tentang kerugian itu.

34. Timbang Tara

Semua perbezaan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada penimbang tara yang hendaklah dilantik secara bertulis oleh pihak dalam perbezaan. Jika mereka tidak berjaya mendapatkan persetujuan tentang siapa yang akan menjadi Penimbang Tara dalam tempoh satu (1) bulan apabila diminta secara bertulis untuk berbuat demikian, maka kedua-dua pihak layak melantik Penimbang Tara yang setiap seorang akan mendengar perbezaan itu bersama-sama dengan Pengadil yang akan dilantik oleh kedua-dua Penimbang Tara itu. Walau bagaimanapun, dengan syarat apa-apa penafian liabiliti oleh Syarikat bagi apa-apa tuntutan di bawah ini hendaklah dirujuk kepada Penimbang Tara dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh penafian tersebut.

35. Pembayaran Premium

Premium hendaklah dibayar setiap tahun seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi atau mana-mana Endorsmen yang dilampirkan. Pembayaran premium di bawah Polisi ini akan meningkat atau dikurangkan mengikut lingkungan umur Orang Yang Menerima Perlindungan, dari masa ke semasa, yang berkenaan dengannya.

36. Tanggungjawab untuk menzahirkan

Anda mestilah mengambil kira untuk memastikan bahawa kesemua jawapan kepada soalan-soalan AIG Malaysia adalah penuh, lengkap, tepat, jujur dan sebaik pengetahuan anda. Anda juga mempunyai tugas untuk memaklumkan AIG Malaysia akan sebarang perubahan dalam maklumat yang diberikan kepada kami terlebih dahulu sebelum kami memberikan jadual polisi kepada anda, sebelum anda memperbaharui atau menukar apa-apa terma-terma polisi.

Sekiranya anda tidak membuat sedemikian, AIG Malaysia mungkin akan:

- a) mengistiharkan polisi anda batal dari permulaan (yang bermakna menganggap ia tidak sah) dan AIG Malaysia kemungkinan tidak akan memulangkan premium atau menuntut sebarang premium yang belum di bayar;
- b) membatalkan polisi ini dan memulangkan sebarang premium setelah menolak caj pembatalan kepunyaan AIG Malaysia atau menuntut sebarang premium yang belum dibayar daripada anda;
- c) menuntut sebarang kekurangan dalam premium yang belum dibayar daripada anda;
- d) tidak membayar sebarang tuntutan yang telah dibuat atau akan dibuat terhadap polisi tersebut; atau
- e) berhak untuk menuntut daripada anda jumlah sebarang tuntutan yang telahpun dibayar di bawah polisi tersebut atau sebarang tuntutan yang AIG Malaysia perlu membayar di bawah mana-mana undang-undang yang relevan, termasuk kos untuk menuntut jumlah tersebut.

37. Sanksi

AIG Malaysia tidak boleh dianggap memberikan perlindungan dan AIG Malaysia tidak bertanggungjawab untuk membayar mana-mana tuntutan atau memberikan apa-apa manfaat di bawah polisi ini yang mana peruntukan perlindungan tersebut, bayaran tuntutan atau peruntukan manfaat akan mendedahkan AIG Malaysia, syarikat induk AIG Malaysia atau entiti yang mengawal AIG Malaysia, terhadap apa-apa sekatan, larangan atau halangan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah atau Amerika Syarikat.

38. KESETUJUAN PENGGUNAAN MAKLUMAT PERIBADI:

Dengan mengemukakan permohonan untuk perlindungan, anda bersetuju untuk pengumpulan maklumat peribadi anda oleh AIG Malaysia (samada melalui telefon atau lain-lain cara diperolehi) dan mungkin akan dipegang, digunakan dan didedahkan oleh AIG Malaysia kepada individu, penyedia-peyedia perkhidmatan dan organisasi organisasi yang berkaitan dengan AIG Malaysia atau mana-mana pihak ketiga yang dipilih (di dalam atau luar Malaysia, termasuk syarikat insurans semula dan penyiasatan tuntutan dan persatuan-persatuan industri) untuk tujuan memproses insurans ini dan memberikan perkhidmatan selanjutnya untuk tujuan ini, produk kewangan AIG Malaysia dan perkhidmatan-perkhidmatan dan penyesuaian data, soal selidik dan untuk berkomunikasi dengan anda untuk tujuan seperti itu. Anda berhak untuk mendapatkan akses, meminta pembedahan atau menarik balik persetujuan untuk penggunaan maklumat peribadi anda yang dipegang oleh AIG Malaysia. Permintaan yang tersebut boleh dibuat dengan menulis kepada Perkhidmatan Pelanggan AIG Malaysia, Menara Worldwide, 198, Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur atau telefon: 603 2118 0188, faks 603 2685 4896 atau e-mel: AIGMYCare@aig.com

Untuk semua tujuan, di mana terdapat pertikaian atau keaburan untuk teks di dalam peruntukan English atau peruntukan Bahasa Malaysia, versi English akan digunakan.

JADUAL PEMBEDAHAN
[berkaitan dengan Jadual Manfaat: Bahagian 5 (Bayaran Pembedahan) dan Bahagian 6
(Pembedahan Utama Tambahan)]

Pembedahan-pembedahan Terlindung dan kategori sepadan kepada setiap Pembedahan Terlindung adalah seperti terkandung dalam Jadual Pembedahan dibawah:

SISTEM SARAF	KATEGORI
Prosedur pembedahan terapeutik terbuka ke atas bahan otak, kecuali biopsy dan Prosedur diagnostik sahaja	1
Pengaliran luka tisu otak	1
Prosedur pembedahan terapeutik terbuka ventriklal otak, kecuali biopsy dan Prosedur diagnostik sahaja	2
Pembedahan dalam ruang intrakranial subaraknoid	2
Pembedahan terbuka atau stereotaktik intrakranial atau intraoseous kepada saraf cranial	2
Pembedahan luar kranial kepada saraf cranial	4
Pembedahan intrakranial untuk luka yang melibatkan atau akibat Meninges	2
Prosedur pembedahan terbuka yang melibatkan saraf tunjang atau akar saraf tunjang	2
Simpatektomi pembedahan	4
SISTEM ENDOKRIN	
Prosedur pembedahan kepada kelenjar pituitary	2
Prosedur pembedahan terbuka terapeutik keatas kelenjar timus atau adrenal	2
BUAH DADA	
Mastektomi Sepenuhnya	2
Mastektomi Ringkas	4
MATA	
Penanggalan biji mata	4
Pembedahan untuk menembusi kecederaan mata atau bisul-bisul intra-okular atau bisul-bisul intra-orbital	4
Pemindahan kornea sepenuhnya	4
TELINGA DAN SINUS	
Pembedahan-pembedahan lain ke atas telinga tengah. Miringotomi dikecualikan	4
Pembedahan ke atas koklea	4
Pembedahan ke atas alat-alat vestibular	4
SALURAN PERNAFASAN	
Penanggalan melalui pembedahan bisul merbahaya daripada hidung atau nasofaranks. Kanser kulit hidung dikecualikan	3
Penanggalan bisul merbahaya dari faranks	3
Penanggalan peti suara	3
Prosedur pembedahan terbuka ke atas trakea, bronkus atau peparu (prosedur endoskopik dikecualikan)	2
Pneumonektomi, lobektomi atau pemindahan peparu	1
Lain-lain pembedahan terbuka keatas mediastinum	3
MULUT	
Penanggalan sepenuhnya luka merbahaya lidah	3
Penanggalan melalui pembedahan bisul merbahaya daripada kaviti mulut	3
SALUR PENCERNAAN	
Pembedahan endoskopik keatas kolon dikecualikan	
Oesofagektomi separuh atau sepenuh	3

Prosedur pembedahan terbuka lain ke atas oesofagus (prosedur endoskopik dikecualikan)	3
Pembaikan burut diaframatik	3
Penanggalan separuh atau sepenuhnya perut	3
Prosedur pembedahan terbuka ke atas ileum	4
Penanggalan sepenuhnya kolon atau rektum	1
Kolektomi separuh	3
Lencongan kolon	3
Pemindahan saekum ke luar badan	4
Lain-lain pemindahan saekum ke luar badan	4
Penanggalan dubur	3
Pemindahan hati	1
Penanggalan sepenuhnya luka hati	2
Prosedur pembedahan terbuka kepada peritoneum, omentum, atau mesenteri usus	3
Pemindahan pancreas	1
JANTUNG	
Pemindahan jantung dan peparu	1
Kewujudan konduit jantung	2
Pembedahan keatas dinding atrium - atau ventrikel	2
Pembaikan plastik terbuka atau gantian injab jantung	1
Lencongan Arteri Koronari	2
Pembedahan terbuka ke atas sistem jantung	2
Pembedahan terbuka ke atas perikardium	2
ARTERI-ARTERI DAN VENA-VENA	
Pembedahan terbuka untuk kecacatan bergabung salur-salur utama	1
Pembedahan terbuka untuk membetulkan duktus arteriosus	1
Pembedahan terbuka kepada salur darah utama dalam toraks	1
Pembedahan terbuka untuk memperbaiki atau menggantikan sebahagian aorta	1
Binaan semula atau lencongan melalui pembedahan terbuka ke atas salur darah Utama di bahagian kepala dan leher	2
Endarterektomi arteri di dalam kepala atau leher	2
Pembaikan atau lencongan pembedahan terbuka cabang aorta (salur-salur dari aorta dan sebelum mereka mencabang) dan salur-salur darah retroperitoneal	2
Lain-lain prosedur pembedahan terbuka keatas salur-salur darah intra-abdomen	4
URINARI	
<i>Pembedahan endoskopik keatas pundi kencing dikecualikan</i>	
Pemindahan buah ginjal	1
Prosedur pembedahan terbuka keatas buah ginjal, pelvis renal dan ureter	3
Penanggalan sepenuhnya pundi kencing	2
Penanggalan terbuka kelenjar prostat	3
ORGAN SEKS LELAKI	
Penanggalan sepenuhnya skrotum	4
Penanggalan sepenuhnya luka merbahaya skrotum atau buah pelir	3
Penanggalan sepenuhnya luka merbahaya zakar	3
ORGAN SEKS PEREMPUAN	
Penanggalan luka merbahaya vulva atau perineum	3
Penanggalan sepenuhnya luka merbahaya faraj	3
Histerektomi	4
Histerektomi dan ooforektomi dua hala	3
KULIT DAN LECUR	
Penanggalan luka lecur paras ketiga yang melebihi sembilan (9%) peratus luas permukaan tubuh badan	2
PLEURA DINDING DADA DAN DIAFRAGMA	

Prosedur pembedahan terbuka kepada tulang rusuk dan otot toraks	4
Pembinaan semula dinding dada	2
Pembaikan perpecahan diafragma	2
Pembedahan-pembedahan lain ke atas diafragma	3
ORTOPEDIK DAN PLASTIK	
Pemindahan otot	3
Binaan semula sendi atau pembedahan artrodesis sendi selain daripada kaki, tangan dan jari	4
Prosedur pembedahan untuk menanggalkan bisul tulang selain daripada jari	2
Gabungan tulang belakang anterior dan mampatan anterior saraf tunjang	1
Laminektomi, diskektomi dan pembedahan terbuka kepada saraf tunjang dan sendi faset dengan menggunakan cara posterior	2
Pembaikan plastik ke atas kranium	4
Pembetulan beralat atau pembedahan terbuka lain untuk kecacatan bentuk tulang belakang	1
Gantian prostetik tulang	4
Penanggalan sepenuhnya tulang	4
Pembetulan melalui pembedahan terbuka untuk kecacatan tulang	4
Pembedahan terbuka keatas struktur-struktur intraartikular, termasuk ligamen dan meniski	4
Gantian lengan	1
Gantian kaki	1
Pengundungan lengan	4
Pengundungan tangan	4
Pengundungan kaki	2
Pengundungan kaki (dari buku lali ke bawah)	4
PELBAGAI	
Gantian jari atau bahagian-bahagian tubuh badan yang memerlukan anastomosis vascular dan saraf. Pemindahan kulit dikecualikan	4
Pembedahan ke atas celah cabang	4
Penjelasan pelvis	4
Nota:	
Syarikat berhak untuk menentukan peratus faedah pembedahan yang boleh dibayar di mana pembedahan tidak dinyatakan dalam jadual di atas.	

AIG Malaysia Insurance Berhad ("AIG Malaysia") bersama dengan affiliate dan subsidiari lain American International Group, Inc ("AIG") (secara kolektif dirujuk sebagai "Affiliate AIG") bertekad untuk melindungi privasi individu-individu yang kami bertemu dalam menjalankan perniagaan kami. "Data Peribadi" adalah maklumat yang mengidentifikasikan dan berkaitan dengan anda atau individu lain (seperti orang tanggungan anda). Notis Privasi ini direka untuk memberikan notis dan membantu anda dalam memahami mengapa dan bagaimana AIG Malaysia mengumpul dan mengendalikan Data Peribadi anda, kepada siapa data tersebut dizahirkan, dan kepada siapa permintaan akses data boleh ditujukan.

PIHAK UNTUK DIHUBUNGI BERKENAAN DENGAN DATA PERIBADI ANDA

Jika anda mempunyai sebarang soalan tentang penggunaan Data Peribadi anda oleh kami anda boleh menghubungi kami di:

AIG Insurance Malaysia Berhad
UP: Customer Care Executive
Level 18, Menara Worldwide,
198 Jalan Bukit Bintang,
55100 Kuala Lumpur.
Emel: AIGMYCare@aig.com
Telefon: 1800-88-8811
Faks: 603-21180288

BAGAIMANA KAMI MENGUMPUL DATA PERIBADI

Cara utama kami mengumpul Data Peribadi adalah melalui borang permohonan dan tuntutan berkenaan dengan produk insurans kami, menerusi telefon melalui permohonan telefon, e-mel dan komunikasi lain dengan kami, dan juga dari syarikat insurans lain, penyiasat tuntutan, ahli profesional perubatan, saksi dan/atau pihak ketiga lain yang terlibat dalam urusan perniagaan kami dengan anda.

Kami juga mengumpul Data Peribadi melalui cara lain seperti:

- laman web ini ("Laman" ini);
- aplikasi perisian yang disediakan oleh kami untuk digunakan pada atau melalui komputer dan peranti mudah alih ("Aplikasi");
- laman media sosial kami, termasuk yang dikaitkan di Sosial@AIG (http://www.aig.com/social-media_3171_442101.html), dan lain-lain kandungan, alat dan aplikasi media sosial ("Kandungan Media Sosial" kami).

Laman ini, Aplikasi, dan Kandungan Media Sosial kami secara kolektif dirujuk sebagai "Perkhidmatan Elektronik AIG".

DATA PERIBADI YANG KAMI KUMPUL

Bergantung kepada hubungan anda dengan kami (contohnya, sebagai pemegang polisi konsumen; insured yang bukan pemegang polisi atau penuntut; saksi; broker komersial atau wakil yang dilantik; atau orang lain berkaitan dengan perniagaan kami), Data Peribadi yang dikumpul tentang anda dan tanggungan anda mungkin termasuk:

- **Maklumat pengenalan dan perhubungan umum**
Nama anda; alamat; butiran e-mel dan telefon; jantina; status perkahwinan; status keluarga; tarikh lahir; kata laluan (termasuk dalam system kami); latar belakang pendidikan; sifat fizikal; rekod aktiviti, seperti rekod memandu; gambar; sejarah pekerjaan, kemahiran dan pengalaman; lesen dan penggabungan profesional; hubungan kepada pemegang polisi, insured atau penuntut; dan tarikh dan punca kematian, kecederaan atau kecacatan.
- **Nombor pengenalan dikeluarkan oleh badan atau agensi kerajaan**
Nombor kad pengenalan; nombor keselamatan sosial atau insurans nasional; nombor pasport; nombor pas penggajian atau pas kerja; nombor ahli kumpulan wang simpanan pekerja; nombor pengenalan cukai; nombor pengenalan ketenteraan; atau nombor pemandu lesen atau nombor lesen lain.
- **Maklumat kewangan dan butiran akaun**
Nombor kad pembayaran; nombor akaun bank dan butiran akaun; sejarah kredit dan skor kredit; aset-aset; pendapatan; dan maklumat kewangan lain.
- **Keadaan perubatan dan status kesihatan**

Keadaan fizikal atau mental atau perubatan semasa atau terdahulu; status kesihatan; maklumat kecederaan atau kecacatan; prosedur perubatan dilakukan; tabiat peribadi (contohnya, merokok atau pengambilan alkohol); maklumat preskripsi; dan sejarah perubatan.

Maklumat sensitif lain

Dalam kes-kes tertentu, kami mungkin menerima maklumat sensitif tentang keanggotaan kesatuan pekerja anda, kepercayaan keagamaan, pendirian politik, sejarah perubatan keluarga atau maklumat genetik (contohnya, kalau anda memohon untuk insurans melalui rakan pemasaran pihak ketiga yang merupakan satu pertubuhan perdagangan, keagamaan atau politik). Sebagai tambahan, kami mungkin mendapatkan maklumat tentang rekod jenayah atau sejarah litigasi sivil anda dalam proses mencegah, mengesan dan menyiasat fraud, pengubahan wang haram, pengedaran dadah atau jenayah serius yang lain. Kami juga mungkin mendapatkan maklumat sensitif jika anda memberikan ia secara sukarela kepada kami (contohnya, jika anda menyatakan pilihan anda mengenai rawatan perubatan berdasarkan kepercayaan keagamaan anda).

Rakaman telefon

Rakaman panggilan telefon antara anda dan wakil-wakil dan pusat panggilan kami.

Maklumat yang membolehkan kami menyediakan produk dan perkhidmatan

Lokasi dan pengenalan harta yang diinsuranskan (contohnya, alamat harta, plat lesen kenderaan atau nombor pengenalan); rancangan perjalanan; kategori umur individu yang anda ingin menginsuranskan; nombor polisi dan tuntutan; butiran liputan/peril; punca kerugian; sejarah kemalangan atau kerugian sebelumnya; status anda sebagai pengarah atau rakan kongsi, atau pemilikan atau kepentingan pengurusan lain dalam sebuah organisasi; dan insurans lain yang anda pegang.

Pilihan pemasaran dan maklumbalas pelanggan

Anda boleh memaklumkan kepada kami pilihan pemasaran anda, memasuki satu pertandingan atau cabutan hadiah atau promosi jualan lain, atau bertindak balas kepada satu tinjauan kepuasan pelanggan sukarela.

Maklumat media sosial

Di akaun media sosial anda dan gambar profil, dan Data Peribadi lain-lain yang anda sediakan untuk kami melalui Perkhidmatan Elektronik AIG. Jika anda memilih untuk menyambung akaun media sosial anda yang disediakan oleh pembekal perkhidmatan sosial media lain ke akaun-akaun anda dengan mana-mana Perkhidmatan Elektronik AIG, Data Peribadi dari akaun media sosial anda akan dikongsi dengan kami, yang mungkin termasuk Data Peribadi yang sebahagian daripada profil akaun media sosial anda atau profil rakan anda.

BAGAIMANA KAMI MENGGUNAKAN DATA PERIBADI

Prinsip teras kami adalah untuk hanya mengumpul Data Peribadi yang kami percaya adalah relevan dan diperlukan untuk memahami keperluan insurans anda, untuk menjalankan perniagaan kami dan untuk menyediakan perkhidmatan pelanggan dan produk yang lebih baik.

Tujuan tertentu kami mungkin mengumpul dan menggunakan Data Peribadi termasuk:

- Berkomunikasi dengan anda dan pihak lain sebagai sebahagian daripada perniagaan kami. Untuk menyediakan insurans, perkhidmatan kewangan atau produk dan perkhidmatan yang berkaitan kepada anda dan mentadbir, menyelenggara, mengurus dan mengendalikan produk dan/atau perkhidmatan tersebut termasuk apa-apa pembaharuan.
- Menghantar kepada anda maklumat penting mengenai perubahan kepada polisi-polisi kami, terma dan syarat lain, pembaharuan polisi, Perkhidmatan Elektronik AIG dan maklumat pentadbiran yang lain.
- Memproses, menilai dan memutuskan apa-apa permohonan atau permintaan yang dibuat oleh anda untuk produk atau perkhidmatan insurans.
- Bagi apa jua tujuan yang berkaitan dengan apa-apa tuntutan yang dibuat di bawah mana-mana produk insurans atau berkenaan dengan apa-apa perkhidmatan yang disediakan oleh AIG Malaysia atau Affiliate AIG, termasuk tanpa had,

- membela, menganalisis, menilai, memproses, menentukan, menetapkan, menjawab dan menguruskan tuntutan tersebut.
- Menilai kelayakan anda untuk pelan pembayaran, dan proses premium dan pembayaran-pembayaran lain anda.
- Menyediakan kualiti, latihan dan keselamatan yang lebih baik (contohnya, berkenaan dengan panggilan telefon ke nombor hubungan kami yang dirakam atau dipantau).
- Menghalang, mengesan dan menyalah jenayah, termasuk fraud dan perubahan wang haram, dan menganalisis dan mengurus risiko perdagangan lain.
- Menjalankan penyelidikan dan analisis pasaran, termasuk tinjauan keupayaan.
- Menyediakan maklumat pemasaran kepada anda (termasuk maklumat tentang produk dan perkhidmatan lain yang ditawarkan oleh rakan-rakan pihak ketiga yang terpilih) sejajar dengan pilihan anda yang telah anda maklumkan, jika ada.
- Memperibadikan pengalaman Perkhidmatan Elektronik AIG anda dengan membentangkan maklumat dan iklan yang disesuaikan bagi anda.
- Mengenal pasti anda kepada sesiapa yang anda menghantar pesanan melalui Perkhidmatan Elektronik AIG.
- Membenarkan anda menyertai pertandingan, cabutan hadiah dan promosi-promosi serupa, dan untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti ini. Sebahagian daripada aktiviti ini mempunyai terma dan syarat tambahan, yang boleh mengandungi maklumat tambahan tentang bagaimana kami mengguna dan menzahirkan Data Peribadi anda, jadi kami mencadangkan agar anda membaca ia dengan berhati-hati.
- Menguruskan infrastruktur dan operasi perniagaan kami, dan mematuhi dasar dan prosedur dalaman, termasuk yang berkaitan dengan pengauditan; kewangan dan perakaunan; pengebilan dan koleksi; sistem-sistem IT; pegehosan data dan laman web; kesinambungan perniagaan; dan pengurusan rekod, dokumen dan cetakan.
- Menyelesaikan aduan, dan mengendalikan permintaan akses atau pembedaan data.
- Mematuhi undang-undang dan kewajipan-kewajipan kawal selia yang berkenaan (termasuk undang-undang di luar Malaysia), seperti yang berkaitan dengan pencegahan perubahan wang haram dan pencegahan keganasan; mematuhi proses guaman; dan bertindak balas kepada permintaan dari pihak-pihak berkuasa awam dan kerajaan (termasuk yang di luar Malaysia).
- Tujuan audit, pematuhan, penyiasatan dan pemeriksaan.
- Memadankan sebarang Data Peribadi yang dipegang oleh AIG Malaysia atau Affiliate AIG berkaitan dengan anda dari semasa ke semasa bagi mana-mana tujuan yang disenaraikan dalam Notis Privasi ini.
- Memenuhi keperluan untuk membuat penzahiran selaras dengan mana-mana undang-undang yang mengikat AIG Malaysia atau mana-mana Affiliate AIG atau bagi tujuan mematuhi mana-mana peraturan-peraturan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa kawal selia atau lain-lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas AIG Malaysia atau mana-mana Affiliate AIG.
- Menyemak latar belakang dan identiti, untuk tujuan seperti mengesahkan identiti anda untuk bertindak balas kepada permintaan anda demi disediakan dengan salinan polisi atau dokumentasi lain, sebarang permintaan oleh anda untuk menukar alamat anda dalam rekod kami, atau sebarang permintaan oleh anda untuk menukar akaun bank anda atau bayaran atau butiran lain-lain di dalam rekod kami.
- Menjalankan pemeriksaan kredit ke atas anda, seperti menganalisis, mengesahkan, dan/atau menyemak kredit, pembayaran dan/atau status anda berhubung dengan keupayaan anda untuk menggunakan perkhidmatan.
- Melaksanakan usaha wajar atau aktiviti pemeriksaan lain mengikut obligasi undang-undang atau peraturan atau prosedur pengurusan risiko yang mungkin diperlukan oleh undang-undang atau yang mungkin telah ditetapkan oleh AIG Malaysia.
- Menentukan apa-apa amaun hutang yang terutang kepada atau daripada anda dan mengutip atau memungut semula apa-apa amaun terutang daripada anda atau mana-mana orang yang telah memberikan jaminan atau akujanji bagi sebarang liabiliti anda.
- Membolehkan pembeli, pemegang serahhak, penerima pindahan, peserta atau sub-peserta mana-mana hak atau perniagaan AIG Malaysia atau Affiliate AIG, sebenar atau yang dicadangkan, menilai transaksi yang dimaksudkan sebagai subjek penyusunan semula, penggabungan, penjualan, usaha sama, tugas, pemindahan, penyertaan atau sub-penyertaan.

- Mewujudkan dan mempertahankan hak-hak di sisi undang-undang; melindungi operasi AIG Malaysia atau operasi mana-mana Affiliate AIG atau rakan perniagaan insurans, hak, privasi, keselamatan atau harta kami, dan/atau Affiliate AIG, anda atau pihak lain; dan mengejar remedi yang sedia ada atau membataskan kerugian kami.

PEMINDAHAN ANTARABANGSA DATA PERIBADI

Disebabkan oleh sifat global perniagaan kami, bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas kami mungkin memindahkan Data Peribadi kepada pihak-pihak yang terletak di negara-negara lain yang mempunyai rejim perlindungan data yang berbeza daripada yang terdapat di Malaysia. Data Peribadi yang diikumpul oleh AIG Malaysia berkemungkinan akan dipindahkan ke tempat-tempat di luar negara (seperti kepada pusat data AIG atau selamat AIG, Affiliate AIG, pembekal perkhidmatan, rakan perniagaan dan pihak berkuasa kerajaan atau kawal selia) untuk melaksanakan tujuan, atau tujuan berkaitan langsung, yang baginya Data Peribadi dikumpulkan.

PERKONGSIAN DATA PERIBADI

AIG Malaysia sediakan Data Peribadi kepada:

- Syarikat-syarikat kumpulan kami**
 Untuk senarai Affiliate AIG yang mungkin mempunyai akses kepada dan menggunakan Data Peribadi, sila rujuk kepada: http://www.aigcorporate.com/AIG_All_Entities.pdf. AIG Malaysia bertanggungjawab untuk pengurusan dan keselamatan Data Peribadi yang digunakan bersama-sama. Akses kepada Data Peribadi dalam AIG Malaysia dihadkan kepada individu-individu yang mempunyai keperluan untuk mengakses maklumat tersebut untuk tujuan perniagaan kami.
- Pihak insurans dan pendedaran lain**
 Semasa memasarkan dan menyediakan insurans, dan memproseskan tuntutan, AIG mungkin menyediakan Data Peribadi kepada pihak ketiga seperti syarikat insurans lain; penginsurans semula; broker insurans dan insurans semula dan perantara dan ejen lain; wakil yang dilantik; pendedar-pendedar; rakan pemasaran afiniti; dan institusi-institusi kewangan, firma-firma sekuriti dan rakan kongsi perniagaan lain.
- Pembekal-pembekal perkhidmatan kami**
 Pembekal perkhidmatan pihak ketiga luaran seperti ahli profesional perubatan, akauntan, aktuari-aktuari, juruaudit, pakar-pakar, peguam dan penasihat profesional luar yang lain; pembekal bantuan perjalanan dan perubatan; pembekal perkhidmatan pusat panggilan; pembekal perkhidmatan sistem sokongan dan pegehosan IT; pembekal perkhidmatan pencetakan, pengiklanan, pemasaran dan penyelidikan dan analisis pasaran; bank-bank dan institusi kewangan yang menawarkan perkhidmatan kepada akaun-akaun kami; pentadbir-pentadbir tuntutan pihak ketiga; pembekal pengurusan dokumen dan rekod; penyiasat dan pelaras tuntutan; perunding pembinaan; jurutera-jurutera; pemeriksa-pemeriksa; perunding juri; penterjemah; dan vendor pihak ketiga yang serupa dan pembekal perkhidmatan penyumberan luar yang membantu kami dalam melaksanakan aktiviti perniagaan.
- Penerima aktiviti perkongsian sosial anda**
 Kawan-kawan anda yang dikaitkan dengan akaun media sosial anda, pengguna laman web lain dan pembekal akaun media sosial anda, berhubung dengan aktiviti perkongsian sosial anda, seperti jika anda menyambung akaun media sosial yang disediakan oleh pembekal perkhidmatan media sosial lain anda ke akaun Perkhidmatan Elektronik AIG atau log masuk ke akaun Perkhidmatan Elektronik AIG anda dari lain akaun media sosial. Dengan menyambungkan akaun Perkhidmatan Elektronik AIG anda dan akaun media sosial anda yang lain anda memberi kuasa kepada kami untuk berkongsi data dengan pembekal perkhidmatan akaun media sosial anda yang lain dan anda memahami bahawa penggunaan data yang kami berkongsi dengan pembekal akaun media sosial anda yang lain akan ditadbir oleh dasar privasi laman web pembekal perkhidmatan media sosial yang lain. Jika anda tidak mahu maklumat peribadi anda dikongsi dengan pengguna lain atau dengan pembekal akaun social media anda yang lain, sila jangan menyambungkan akaun media sosial anda yang lain dengan akaun Perkhidmatan Elektronik AIG anda dan jangan mengambil bahagian dalam perkongsian sosial di Perkhidmatan Elektronik AIG.
- Pihak-pihak berkuasa kerajaan dan pihak ketiga terlibat dalam tindakan mahkamah**

AIG juga mungkin berkongsi Data Peribadi dengan pihak berkuasa kerajaan atau awam lain (termasuk, tetapi tidak dihadkan kepada, lembaga-lembaga pampasan pekerja, mahkamah, penguatkuasa undang-undang, pihak berkuasa cukai dan agensi siasatan jenayah); dan peserta-peserta proses guaman sivil pihak ketiga dan akauntan-akauntan, juruaudit, peguam dan penasihat dan wakil lain mereka apabila kami percaya adalah perlu atau sesuai untuk: (a) mematuhi undang-undang yang berkenaan, termasuk undang-undang di luar Malaysia; (b) mematuhi dengan proses guaman; (c) bertindak balas kepada permintaan dari pihak berkuasa awam dan kerajaan termasuk pihak berkuasa awam dan kerajaan di luar Malaysia; (d) menguatkuasakan terma dan syarat kami; (e) melindungi operasi kami atau operasi mana-mana syarikat kumpulan kami; (f) melindungi hak, privasi, keselamatan atau harta kami, dan/atau syarikat kumpulan kami, anda atau pihak yang lain; (g) membenarkan kami mengejar remedi-remedi yang sedia ada atau membataskan kerugian kami; dan (h) tujuan audit, pematuhuan, penyiasatan dan tujuan pemeriksaan.

Pihak Ketiga Lain

Kami mungkin berkongsi Data Peribadi dengan penerima bayaran; pembekal-pembekal perkhidmatan kecemasan (perkhidmatan kecemasan kebakaran, polis dan perubatan); peruncit-peruncit; jaringan, organisasi dan pembekal perubatan; pengangkut perjalanan; biro kredit; agensi-agensi laporan kredit; dan orang lain yang terlibat dalam satu kejadian yang menjadi subjek sesuatu tuntutan; serta pembeli dan bakal pembeli atau pihak lain dalam mana-mana penyusunan semula, penggabungan, jualan, usaha sama, tugas, pemindahan atau atau mana-mana urusan lain yang berkaitan dengan semua atau sebahagian perniagaan, aset atau saham kami, yang berlaku atau dicadangkan. Untuk menyemak maklumat yang diberi, dan untuk mengesan dan mengelakkan tuntutan palsu, Data Peribadi (termasuk butir-butir kecederaan) mungkin akan dikongsi bersama dengan syarikat insurans lain semasa pengurusan tuntutan untuk mengesan, mencegah dan menyiasat fraud.

Data Peribadi juga mungkin dikongsi oleh anda, pada papan pesanan, laman sembang, muka surat profil dan blog-blog, dan Perkhidmatan Elektronik AIG lain di mana anda mampu mempamerkan maklumat dan bahan. Sila perhatikan bahawa apa-apa maklumat yang anda mendedahkan melalui perkhidmatan ini akan menjadi maklumat awam, dan mungkin tersedia untuk pengunjung dan pengguna Perkhidmatan Elektronik AIG dan kepada orang awam. Kami menggesa anda untuk berhati-hati apabila menentukan untuk mendedahkan Data Peribadi anda, atau apa-apa maklumat lain semasa mengguna Perkhidmatan Elektronik AIG.

KESELAMATAN

AIG Malaysia akan mengambil langkah-langkah teknikal, fizikal, undang-undang dan organisasi yang sesuai dan konsisten dengan undang-undang privasi dan keselamatan data yang berkenaan. Malangnya, tiada penghantaran data atas Internet atau sistem penyimpanan data yang boleh dijamin 100% selamat. Jika anda mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa interaksi anda dengan kami tidak lagi selamat (contohnya, jika anda berasa bahawa keselamatan apa-apa Data Peribadi yang anda mungkin ada dengan kami telah dikompromikan), sila memberitahu kami dengan serta-merta. (Lihat seksyen "Pihak untuk dihubungi berkenaan dengan Data Peribadi anda" di atas.)

Apabila AIG Malaysia menyediakan Data Peribadi kepada sesuatu pembekal perkhidmatan, pembekal perkhidmatan tersebut akan dipilih dengan teliti dan diperlukan untuk menggunakan langkah-langkah yang sesuai untuk melindungi kerahsiaan dan keselamatan Data Peribadi.

PENYIMPANAN DATA PERIBADI

AIG Malaysia mengambil langkah-langkah munasabah untuk memastikan bahawa Data Peribadi yang kami proses boleh dipercayai untuk penggunaan yang dimaksudkan, dan adalah setepat dan lengkap seperti yang diperlukan untuk memenuhi tujuan-tujuan yang diterangkan dalam Notis Privasi ini. AIG akan menyimpan Data Peribadi untuk tempoh yang diperlukan untuk memenuhi tujuan-tujuan yang dibuktikan dalam Notis Privasi ini melainkan satu tempoh penyimpanan yang lebih panjang diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang.

DATA PERIBADI INDIVIDU-INDIVIDU LAIN

Jika anda menyediakan Data Peribadi kepada AIG Malaysia mengenai individu-individu lain, anda bersetuju untuk: (a) memberitahu individu tersebut tentang kandungan Notis Privasi ini;

dan (b) memperolehi apa-apa persetujuan yang dikehendaki selaras dengan undang-undang untuk pengumpulan, penggunaan, penzahiran dan pemindahan (termasuk pemindahan rentas sempadan) Data Peribadi tentang individu tersebut sejajar dengan Notis Privasi ini.

KEUTAMAAN PEMASARAN

Kami akan menyediakan anda dengan peluang-peluang berkala untuk memberitahu kami keutamaan pemasaran anda, termasuk dalam komunikasi-komunikasi kami kepada anda. Anda juga boleh menghubungi kami secara e-mel di AIGMYCare@aig.com atau menulis kepada AIG Malaysia Insurance Berhad di Level 18, Menara Worldwide, 198, Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur untuk memberitahu kami keutamaan pemasaran anda dan untuk memilih supaya tidak menyertai ("opt-out").

Jika anda tidak lagi mahu menerima e-mel berkaitan pemasaran dari AIG Malaysia pada masa hadapan, anda boleh memilih untuk tidak hendak menerima e-mel berkaitan pemasaran dengan mengklik pada pautan untuk "unsubscribe" yang disediakan dalam setiap e-mel atau dengan menghubungi kami di alamat-alamat di atas.

Kami bertujuan untuk mematuhi permintaan anda untuk tidak hendak menerima e-mel dalam tempoh masa yang munasabah. Sila perhatikan bahawa jika anda membuat pilihan sedemikian seperti yang diterangkan di atas, kami tidak akan dapat membuang Data Peribadi anda dari pangkalan data pihak ketiga yang kami telah berkongsi Data Peribadi anda (iaitu, kepada mereka yang telah kami memberikan Data Peribadi anda hingga tarikh di mana kami bertindak balas terhadap permintaan anda). Sila juga perhatikan bahawa jika anda buat pilihan untuk tidak hendak menerima komunikasi pemasaran daripada kami, kami mungkin masih akan hantar komunikasi tentang pentadbiran penting lain di mana anda tidak boleh dipilih untuk tidak hendak menerima komunikasi sedemikian.

PERMINTAAN AKSES DAN PEMBETULAN, SOALAN DAN KEBIMBANGAN

Dalam negara-negara tertentu, seseorang individu mungkin mempunyai hak untuk akses, membetulkan, membantah penggunaan, atau meminta penghapusan atau penyelindungan Data Peribadi atas alasan-alasan tertentu. Sila hubungi kami seperti yang dinyatakan dalam seksyen "Pihak untuk dihubungi berkenaan dengan Data Peribadi anda" di atas untuk permintaan-permintaan sedemikian atau jika anda mempunyai sebarang soalan atau kebimbangan tentang bagaimana kami proses Data Peribadi. Sila perhatikan bahawa sesetengah Data Peribadi boleh dicekalkan daripada hak untuk akses, membetulkan, membantah penggunaan, atau meminta penghapusan atau penyelindungan selaras dengan undang-undang privasi dan perlindungan data tempatan.

MAKLUMAT LAIN YANG KAMI MENGUMPUL MELALUI PERKHIDMATAN ELEKTRONIK AIG

"Maklumat Lain" adalah sebarang maklumat yang tidak mendedahkan identiti khusus anda, seperti:

- Maklumat pelayar dan peranti elektronik;
- Data penggunaan App;
- Maklumat yang dikumpulkan melalui cookies, tag piksel dan teknologi lain;
- Maklumat demografi dan maklumat lain yang disediakan oleh anda; dan
- Maklumat agregat.

Kami atau pembekal perkhidmatan pihak ketiga kami mungkin mengumpul Maklumat Lain dengan pelbagai cara, termasuk:

- Melalui penyalar internet atau peranti elektronik anda: Maklumat tertentu akan dikumpul oleh kebanyakan laman web, seperti alamat IP anda (iaitu, alamat komputer anda di internet), resolusi skrin, jenis dan versi sistem operasi (Windows atau Mac), jenis dan versi pelayar internet, masa lawatan dan halaman-halaman dilawat, nama dan versi Perkhidmatan Elektronik AIG (seperti App) yang anda mengguna. Kami menggunakan maklumat ini untuk Perkhidmatan Electronic AIG berfungsi dengan betul.
- Melalui penggunaan App anda: apabila anda memuat turun dan menggunakan App, kami dan pembekal perkhidmatan kami boleh mengesan dan mengumpul data penggunaan App, seperti tarikh dan masa yang App pada peranti elektronik anda mengakses pelayan kami serta

maklumat dan fail apa yang telah dimuat turun ke App berdasarkan nombor peranti anda.

Menggunakan cookies: Cookies adalah cebisan maklumat yang disimpan secara langsung pada komputer yang anda gunakan. Cookies membolehkan kami mengenali komputer anda dan mengumpulkan maklumat seperti jenis pelayar internet, masa yang dihabiskan menggunakan Perkhidmatan Elektronik AIG, halaman yang dilawat, bahasa keutamaan dan halaman negara relevan. Kami mungkin menggunakan maklumat tersebut untuk tujuan keselamatan, untuk memudahkan pelayaran, untuk memaparkan maklumat dengan lebih berkesan, untuk memperibadikan pengalaman anda semasa menggunakan Perkhidmatan Elektronik AIG, atau mengumpulkan maklumat statistik tentang penggunaan Perkhidmatan Elektronik AIG. Cookies selanjutnya membenarkan kami untuk membentangkan iklan atau tawaran yang paling mungkin menarik kepada anda. Kami juga mungkin menggunakan cookies untuk mengesan tindakbalas anda kepada iklan-iklan kami dan kami mungkin menggunakan cookies atau fail lain untuk mengesan penggunaan laman web lain anda.

Salah satu syarikat-syarikat iklan yang kami gunakan ialah Google, Inc, yang berniaga sebagai DoubleClick. Untuk maklumat lanjutan tentang cookies DoubleClick, atau untuk memilih keluar dari cookies iklan DoubleClick sila lawat: <http://www.google.com/privacy/ads/>. Anda boleh menolak menerima cookies lain yang kami gunakan dengan melaraskan tetapan pelayar anda. Walau bagaimanapun, jika anda tidak menerima cookies tersebut, anda mungkin mengalami kesulitan dalam penggunaan Perkhidmatan Elektronik AIG dan beberapa produk dalam talian.

Menggunakan tag piksel, isyarat web, GIF jelas atau teknologi serupa yang lain: Ini boleh digunakan dengan sesetengah Perkhidmatan Elektronik AIG dan pesanan e-mel yang diformatkan dalam HTML untuk, antara perkara-perkara lain, mengesan tindakan pengguna-pengguna Perkhidmatan Elektronik AIG dan penerima-penerima e-mel, mengukur kejayaan kempen pemasaran kami dan mengumpulkan statistik tentang penggunaan dan kadar tindak balas Perkhidmatan Elektronik AIG.

Kami menggunakan perkhidmatan analitik Adobe Omniture, yang menggunakan cookies dan isyarat web untuk membantu kami lebih memahami tentang bagaimana laman web kami diguna oleh pengguna jadi kami boleh terus untuk memperbaikinya. Adobe tidak mempunyai hak untuk menggunakan maklumat yang kami sediakan kepada mereka selain yang perlu untuk membantu kami. Untuk maklumat lanjut tentang perkhidmatan Omniture Adobe, termasuk bagaimana untuk memilih keluar ("opt-out"), pergi ke <http://www.omniture.com/privacy/policy#optout>.

Lokasi fizikal: Tertakluk kepada undang-undang berkenaan, kami mungkin mengumpul maklumat mengenai lokasi fizikal peranti elektronik anda dengan, contohnya, menggunakan satelit, menara telefon mudah alih/sel atau isyarat WiFi. Kami mungkin menggunakan lokasi fizikal peranti anda untuk menyediakan perkhidmatan dan kandungan yang diperibadikan berasaskan lokasi kepada anda. Tertakluk kepada keutamaan pemasaran anda seperti yang dinyatakan kepada kami atau undang-undang berkenaan, kami juga mungkin berkongsi lokasi fizikal peranti anda, digabungkan dengan maklumat tentang apa iklan yang anda lihat dan informasi lain yang kami kumpulkan, dengan rakan kongsi pemasaran kami bagi membolehkan mereka menyediakan anda dengan kandungan yang lebih peribadi dan mengkaji keberkesanan kempen pengiklanan. Dalam kes tertentu, anda mungkin dibenarkan mengizinkan atau menolak kegunaan dan/atau perkongsian lokasi peranti anda, tetapi jika anda memilih untuk menafikan kegunaan dan/atau perkongsian tersebut, kami dan/atau rakan kongsi pemasaran kami mungkin tidak dapat menyediakan anda dengan perkhidmatan dan kandungan diperibadikan yang berkenaan.

Dari anda: Sesetengah maklumat (contohnya, lokasi atau cara-cara perhubungan terpilih anda) dikumpul apabila anda memberikannya secara sukarela. Melainkan jika disatukan dengan Data Peribadi, maklumat ini tidak mengenal pasti anda.

Dengan mengagregatkan maklumat: Kami mungkin agregat dan menggunakan maklumat tertentu

(contohnya, kami mungkin mengagregatkan maklumat untuk mengira peratusan pengguna-pengguna kami yang mempunyai kod telefon bagi kawasan tertentu).

Sila perhatikan bahawa kami mungkin menggunakan dan menzahirkan Maklumat Lain untuk sebarang tujuan, kecuali di mana kami dikehendaki untuk melakukan sebaliknya di bawah undang-undang yang berkenaan. Jika kami dikehendaki melayan Maklumat Lain sebagai Data Peribadi di bawah undang-undang berkenaan, maka, sebagai tambahan kepada penggunaan yang tersenarai dalam seksyen "Maklumat Lain yang Kami Kumpul" di atas, kami mungkin menggunakan dan menzahirkan Maklumat Lain untuk semua tujuan kami menggunakan dan menzahirkan Data Peribadi.

LAMAN WEB PIHAK KETIGA

Notis Privasi ini tidak menangani, dan kami tidak bertanggungjawab untuk, privasi, maklumat atau amalan lain-lain pihak ketiga yang lain, termasuk mana-mana pihak ketiga yang mengendalikan mana-mana laman web kepada mana Perkhidmatan Elektronik AIG dihubungkan. Hubungan kepada Perkhidmatan Elektronik AIG tidak bererti pengesahan laman web oleh kami atau oleh syarikat-syarikat kumpulan kami.

Sila ambil perhatian bahawa kami tidak bertanggungjawab untuk pengumpulan, penggunaan dan penzahiran polisi dan amalan (termasuk amalan keselamatan maklumat) organisasi lain, seperti Facebook®, Twitter®, Apple®, Google®, Microsoft®, RIM / BlackBerry® atau mana-mana pemaju aplikasi, penyedia aplikasi, pembekal platform media sosial, pembekal sistem operasi, pembekal perkhidmatan wayarles atau pengilang peranti elektronik, termasuk apa-apa Data Peribadi yang anda mendedahkan kepada organisasi lain melalui atau berkaitan dengan Perkhidmatan Elektronik AIG.

PENGUNAAN PERKHIDMATAN ELEKTRONIK AIG OLEH ORANG DIBAWAH UMUR

Perkhidmatan Elektronik AIG tidak ditujukan kepada individu-individu yang berumur 18 ke bawah, dan kami meminta bahawa individu-individu tersebut tidak memberikan Data Peribadi melalui Perkhidmatan Elektronik AIG.

PERUBAHAN KEPADA NOTIS PRIVASI INI

Kami menyemak Polisi Privasi ini dengan kerap dan rizabkan hak untuk membuat perubahan pada bila-bila masa untuk mengambil kira perubahan dalam perniagaan kami dan keperluan undang-undang. Kami akan memaparkan pengemaskinian tersebut pada laman kita: <https://www.aig.my/privacy-notice>

Sila lihat tarikh "LAST UPDATED" di bahagian atas Notis Privasi ini untuk mengetahui tarikh semakan terakhir; sebarang perubahan akan berkuat kuasa serta-merta apabila dipaparkan pada laman kita: <https://www.aig.my/privacy-notice>

Di mana terdapat percanggahan antara Notis Privasi versi bahasa Inggeris dan Notis Privasi ini, Notis Privasi versi Bahasa Inggeris hendaklah dipakai.

DISCLOSURE & POLICY STATEMENT

KETERANGAN & KENYATAAN POLISI

1. Under the prudential framework of Corporate Governance the following avenues have been set up to handle customer grievances:-
Di bawah rangka kewaspadaan Kawalan Korporat, cara-cara berikut telah disediakan kepada sesiapa yang ingin membuat aduan:-
- a) The Customer Care Officer of AIG Malaysia Insurance Berhad (795492-W) ("Company") at tel: 1800 88 8811 or fax: 603 2685 4896 or via e-mail to AIGMYCare@aig.com. At branch level, complaints can be received by the respective Branch Managers who will direct it to the Customer Care Officer.
Pegawai Khidmat Pelanggan AIG Malaysia Insurance Berhad (795492-W) ("Syarikat") di tel: 1800 88 8811 atau faks: 603 2685 4896 atau e-mel pada AIGMYCare@aig.com. Bagi bahagian cawangan, segala aduan boleh ditujukan kepada Pengurus Cawangan yang akan memanjatkan kepada Pegawai Khidmat Pelanggan.
- b) Ombudsman for Financial Services (OFS) at tel: 03-2272 2811 or fax: 03-2272 1577
Any policyholder who is not satisfied with the decision of an insurance company may write to the OFS, giving details of the dispute, the name of the insurance company and the policy number. Copies of the correspondence between the policyholder and the insurance company must be submitted to facilitate OFS's reference.
*Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) di tel: 03-2272 2811 atau faks: 03-2272 1577
Pemegang polisi yang tidak berpuas hati dengan keputusan sesebuah syarikat insurans boleh menulis surat aduan kepada OPK dengan butir-butir pertikaian, nama syarikat insurans dan nombor polisi. Salinan surat antara pemegang polisi dan pihak syarikat insurans perlu diserahkan kepada OPK untuk rujukan.*

An award of the OFS is binding on the Company. The policyholder can choose to accept or not. Acceptance is acknowledged only if it is in writing within 14 days of the decision. The Company shall settle the award within 30 days of policyholder's acceptance. But if the policyholder is not satisfied, he can reject the OFS's decision and pursue an alternative legal recourse instead. There is no fee charged for services of the OFS.

Pihak Syarikat adalah terikat kepada keputusan OPK. Pemegang polisi boleh memilih sama ada bersetuju atau tidak. Persetujuan hanya diterima secara bertulis dalam tempoh 14 hari. Pihak Syarikat akan menyelesaikan tuntutan dalam tempoh 30 hari dari persetujuan pemegang polisi. Sekiranya pemegang polisi tidak berpuas hati dengan keputusan OPK, beliau boleh memilih untuk mengambil tindakan alternatif undang-undang. Tidak ada yuran bayaran yang dicaj untuk perkhidmatan OPK.

The address is / Alamat ialah:-

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan
Tingkat 14, Blok Utama
Dataran Kewangan Darul Takaful
No 4 Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur

- c) Laman Informasi Nasihat dan Khidmat of Bank Negara Malaysia (BNM) at tel: 1-300-88-5465 (1300-88-LINK) or fax: 03-2174 1515.
Any policyholder who is not satisfied with the conduct of an insurance company may write to the Corporate Communication Department of BNM, giving details of the complaint, the name of the insurance company and the policy number or the claim number. Documentary support should be provided to facilitate reference.
*Laman Informasi Nasihat dan Khidmat di Bank Negara Malaysia (BNM) di tel: 1-300-88-5465 (1300-88-LINK) atau faks: 03-2174 1515.
Pemunya polisi yang tidak puas hati dengan bimbingan pihak syarikat insurans boleh membuat aduan kepada Jabatan Komunikasi Korporat di BNM dengan butir-butir pertikaian, nama pihak syarikat insurans dan nombor polisi atau nombor tuntutan. Sokongan dokumen perlu diserahkan untuk rujukan.*

The address is / Alamat ialah:-

Pengarah
Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Tingkat Bawah, Blok C
Bank Negara Malaysia
Peti surat 10922
50929 Kuala Lumpur

2. By virtue of the Financing Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Act and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001, any 'Suspicious Transaction' as classified by the law is required to be reported to the Competent Authority at Bank Negara Malaysia.
Bersandarkan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pecegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001, sebarang 'Transaksi yang Mencurigakan' seperti yang termaktub di bawah undang-undang hendaklah dilaporkan kepada pihak berkuasa yang berkenaan di Bank Negara Malaysia.
3. For all intents and purposes where there is a conflict or ambiguity as to the meaning in the English provisions or the Bahasa Malaysia provisions of any part of the contract, it is hereby agreed that the English version of the contract prevails.
Boleh dikatakan di mana terdapat konflik atau kekaburan berkenaan makna dalam peruntukan Bahasa Inggeris atau peruntukan Bahasa Malaysia tentang mana-mana bahagian kontrak, adalah dipersetujui bahawa versi kontrak Bahasa Inggeris akan mengatasi dan diikuti.
4. **PERSONAL DATA CONSENT:** You are deemed to have read, understood, and consented to the collection and subsequent processing of your personal information by AIG Malaysia (whether obtained during the application process or administration of this policy) in accordance with AIG Malaysia's Privacy Notice as from time to time published on AIG Malaysia's website at <http://www.aig.my/privacy-notice>, a copy of which has also been furnished to you. If you submit information relating to other individuals, you are further deemed to represent and warrant that you have the authority to provide information relating to the other individuals to AIG Malaysia, that you have informed the other individuals about the purposes for which his/her personal information is collected, used and disclosed as well as the parties to whom such personal information may be disclosed by AIG Malaysia, and that the other individuals agree and consent that AIG Malaysia may collect, use and process his/her personal information in accordance with AIG Malaysia's Privacy Notice. Requests to obtain access, correct, or withdraw your consent to the use of your personal information can be made by mail: Customer Care, AIG Malaysia Insurance Berhad, Menara Worldwide 198, Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur, phone: 1800 88 8811, fax: 603 2685 4896 or email: AIGMYCare@aig.com.

KESETUJUAN DATA PERIBADI: Anda adalah dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan pengumpulan dan pemprosesan seterusnya maklumat peribadi anda oleh AIG Malaysia (sama ada yang diperolehi semasa proses permohonan atau pentadbiran polisi ini) mengikut Notis Privasi AIG Malaysia seperti yang diterbitkan dari semasa ke semasa pada laman web AIG Malaysia di <http://www.aig.my/privacy-notice>, di mana satu salinan juga telah diberikan kepada anda. Jika anda mengemukakan maklumat berkaitan individu lain, anda juga dianggap untuk mewakili dan menjamin bahawa anda mempunyai kuasa untuk mengemukakan maklumat yang berhubungan dengan individu lain kepada AIG Malaysia, bahawa anda telah memaklumkan kepada individu lain mengenai tujuan maklumat peribadinya boleh dikumpul, digunakan dan didedahkan serta pihak maklumat peribadinya boleh didedahkan oleh AIG Malaysia, dan bahawa individu lain bersetuju dan membenarkan AIG Malaysia mengumpul, menggunakan dan memproses maklumat peribadinya mengikut Notis Privasi AIG Malaysia. Permohonan untuk akses, pembetulan atau menarik balik persetujuan untuk kegunaan maklumat peribadi anda boleh dibuat secara surat: Customer Care, AIG Malaysia Insurance Berhad, Menara Worldwide 198, Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur, telefon: 1800 88 8811, faks: 603 2685 4896 atau e-mel: AIGMYCare@aig.com

IMPORTANT NOTICE

Please take note that a Product Disclosure Sheet is attached to your policy contract:

The Product Disclosure Sheet contains a summary of the product features. If you have any queries or are unsure of any of the policy terms or conditions, kindly call our Customer Service at **1800 88 8811** (Monday – Friday, 9am – 5pm).

NOTIS PENTING

Sila ambil perhatian bahawa sesalinan Helaiian Pendedahan Produk adalah dilampirkan dengan kontrak polisi anda:

Helaiian Pendedahan Produk mengandungi ringkasan ciri-ciri produk. Jika anda ada sebarang pertanyaan atau tidak pasti mengenai apa jua terma-terma atau syarat-syarat polisi, sila hubungi Talian Perkhidmatan Pelanggan kami di **1800 88 8811** (Isnin – Jumaat, 9pagi – 5petang)



AIG Malaysia Insurance Berhad (795492-W)
Menara Worldwide,
198, Jalan Bukit Bintang,
55100 Kuala Lumpur.

Telephone: 1800 88 8811
Facsimile: 603 2685 4896
www.aig.my